

SULIT

Nama Calon : _____

Tingkatan : _____

LOGO
SEKOLAH

MODUL PINTAS
TINGKATAN LIMA 2024
TASAWWUR ISLAM
Ogos 2024
2½ jam

5226

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. ***Bahagian A** mengandungi **20** soalan objektif pelbagai bentuk. Jawab semua soalan dari **Bahagian A**. **Bahagian B** mengandungi **enam** soalan subjektif. Pilih **empat** daripada **enam** soalan tersebut.*
3. *Semua jawapan hendaklah ditulis di ruangan yang disediakan dalam **buku soalan**.*
4. ***Buku soalan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak

Bahagian A

[20 markah]

Soalan 1 hingga soalan 4

Lengkapkan pernyataan berikut dengan pilihan jawapan yang disediakan di bawah.

Nyawa	Akhirat	Syumuliyyah
Harta	Rabbaniyyah	Barzakh

1. Ketika manusia berada di alam _____, Allah SWT akan memberikan balasan kepada para hamba-Nya atas segala amalan mereka selama di dunia.
2. _____ ialah segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu Allah SWT.
3. Allah SWT telah menetapkan cara pemilikan _____ yang sah seperti jual beli serta mengharamkan riba.
4. Islam memelihara _____ dengan cara mensyariatkan hukuman qisas kepada pembunuh supaya wujud keadilan.

Soalan 5 hingga soalan 8

Gariskan istilah yang betul bagi pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan di bawah.

No	Pernyataan	Pilihan Jawapan
5.	Sifat yang tertanam dalam jiwa yang mendorong sesuatu perbuatan dan perlakuan tanpa memerlukan pertimbangan yang mendalam.	Ibadah/ Akhlak/ Akidah
6.	Taat dan patuh kepada perintah Allah SWT, meninggalkan larangan-Nya, beroleh kesejahteraan dan keselamatan apabila berserah kepada-Nya.	Iman/ Islam/ Ihsan
7.	Kesalahan dan hukuman yang tidak ditetapkan oleh syarak dan diserahkan kepada budi bicara hakim untuk memutuskannya.	Hudud/ Qisas/ Takzir
8.	Individu yang diamanahkan oleh Allah SWT untuk mengurus dan mentadbir dunia mengikut syariat Allah SWT.	Khilafah/ Khalifah/ Rakyat

Soalan 9 dan soalan 10

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

Hak Asasi Manusia	
Jawapan	Pernyataan
M	Masyarakat Islam perlu menghindari perbuatan yang boleh mencemarkan maruah diri seperti zina.
N	Islam menganjurkan agar manusia berusaha meningkatkan taraf hidup dan mencari rezeki secara halal.

9. M ialah _____

10. N ialah _____

Soalan 11 dan soalan 12


Prinsip Negara Islam	
Jawapan	Pernyataan
V	Membuat keputusan secara saksama bersumberkan al-Quran dan al-Hadis berdasarkan ketentuan akidah, syariah dan akhlak.
W	Khalifah perlu melindungi hak dan kebebasan individu yang tidak bercanggah dengan syariat Islam.

11. V ialah _____

12. W ialah _____

Soalan 13 dan soalan 14

Lengkapkan carta dibawah dengan jawapan yang betul berkaitan dengan alam yang dilalui oleh manusia.




13. P ialah _____

14. Q ialah _____

Soalan 15 dan soalan 16

Lengkapkan carta dibawah dengan jawapan yang betul berkaitan dengan asas sistem perundangan Islam.



15. R ialah _____

16. S ialah _____

Soalan 17 hingga soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

17. Antara ciri prinsip Syumuliyah ialah Islam dan seluruh makhluk merupakan hak milik Allah SWT. ☐
18. Jumlah surah Makkiah adalah sebanyak 86. ☐
19. Rasulullah SAW telah menukar pegangan dalam urusan pentadbiran pada zamannya daripada semangat 'asabiyyah kepada akidah Islamiah. ☐
20. Antara peranan hakim ialah sentiasa jujur ketika bertugas seperti tidak menerima rasuah. ☐

Bahagian B

[80 markah]

Jawab empat soalan sahaja.

- 1 (a) Senaraikan **empat** rukun iman.

[4 markah]

- Diberikan wahyu.
- Diperintah menyampaikan wahyu.

- (b) i. Nyatakan **dua** sifat wajib rasul berkaitan dengan pernyataan di atas.

[2 markah]

- ii. Berdasarkan pernyataan di atas, bincangkan mengapakah para rasul memiliki sifat-sifat tersebut?

[4 markah]

- (c) Nyatakan **dua** asas pemilikan harta.

[2 markah]

- (d) Huraikan **dua** kesan sekiranya sistem ekonomi Islam tidak diamalkan dalam kehidupan.
[4 markah]

- (e) Jelaskan **dua** langkah menggalakkan masyarakat bermuamalat dengan muamalat Islam.
[4 markah]

- 2 (a) i. Nyatakan **dua** ciri wahyu. [2 markah]

- ii. Jelaskan **dua** fungsi wahyu terhadap akidah. [4 markah]



- (b) Terangkan **dua** kepentingan melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT dari aspek politik. [4 markah]

- (c) Jelaskan **dua** cara merealisasikan sistem perundangan Islam dalam kehidupan. [4 markah]

Seorang hakim perlu sentiasa mematuhi hukum hakam syariat Islam dalam menjalankan tugas supaya dapat menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan baik.

- (d) i. Nyatakan syarat pelantikan hakim yang sesuai bagi pernyataan di atas. [1 markah]

- ii. Berdasarkan jawapan anda, ramalkan implikasi pengabaian syarat tersebut terhadap masyarakat. [5 markah]

- 3 (a) i. Nyatakan **dua** ciri kekeluargaan Islam. [2 markah]

- ii. Senaraikan **dua** peranan bersama suami dan isteri dalam institusi kekeluargaan Islam. [2 markah]

Hendaklah dipastikan skrip dan lagu tidak mempunyai perkataan dan kiasan yang boleh menjurus ke arah bertentangan dengan akidah dan menghina Islam.

(https://mufti.perak.gov.my/images/garis_panduan/GP_HIBURAN-KARNIVAL.pdf)

- (b) Apakah yang akan berlaku sekiranya umat Islam tidak mematuhi garis panduan di atas? Bincangkan. [6 markah]

- (c) Apakah maksud pengurusan? [2 markah]

- (d) Senaraikan **empat** ciri pengurus yang baik. [4 markah]

- (e) Jelaskan **dua** matlamat negara Islam. [4 markah]

- 4 (a) i. Apakah maksud Syumuliyyah? [2 markah]

- ii. Jelaskan **dua** ciri prinsip Syumuliyyah. [4 markah]

- (b) Terangkan **dua** kepentingan ibadah solat dalam melahirkan Muslim cemerlang. [4 markah]

- (c) Senaraikan **empat** jenis sistem ekonomi konvensional.

[4 markah]

Pembiayaan wang dengan menjadikan barang yang berharga sebagai cagaran.

Pernyataan A

Pemilikan manfaat barangan atau perkhidmatan dengan bayaran sewaan.

Pernyataan B

- (d) i. Apakah jenis muamalat yang bertepatan dengan pernyataan A dan pernyataan B di atas? [2 markah]

- ii. Bincangkan peranan jenis muamalat tersebut dalam memenuhi keperluan kehidupan. [4 markah]

- 5 (a) Nyatakan **empat** perkara yang berlaku di alam akhirat. [4 markah]

- Merupakan sumber dan panduan kepada manusia.
- Menjadi rujukan utama dalam menentukan hukum hakam.
- Sebagai pemisah antara hak dan batil.
- Sebagai petunjuk mutlak yang tidak terpengaruh dengan persekitaran.

- (b) i. Namakan sumber yang tepat berkaitan ciri-ciri di atas. [1 markah]

- ii. Bincangkan implikasi pengabaian sumber tersebut. [5 markah]

- (c) Senaraikan **dua** bentuk hukuman bagi kesalahan takzir. [2 markah]

- (d) i. Nyatakan **empat** syarat saksi dalam prosedur keterangan di mahkamah. [4 markah]


- ii. Terangkan **dua** kepentingan melaksanakan sistem kehakiman Islam. [4 markah]

- 6 (a) Jelaskan **dua** konsep berhibur menurut Islam. [4 markah]

- (b) Senaraikan **dua** adab dalam berhibur mengikut syariat. [2 markah]

- (c) Terangkan **dua** kepentingan mematuhi adab dan etika kesenian Islam. [4 markah]

- (d) Senaraikan **empat** syarat untuk menjadi khalifah. [4 markah]



Seorang ketua sedang berbincang dengan ahlinya sebelum membuat keputusan.

- (e) i. Jelaskan prinsip negara Islam yang berkaitan dengan gambar di atas. [2 markah]

- ii. Huraikan kelebihan mengamalkan prinsip tersebut kepada kemajuan sesebuah negara. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

[illegible]

[illegible]